

05 JUN 1998

Hishammuddin-Pemuda

PERSIDANGAN PEMIMPIN PEMUDA ASIA TIMUR Hujung Tahun

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Pemuda Umno akan menganjurkan Persidangan Antarabangsa Pemimpin-pemimpin Pemuda Asia Timur akhir tahun ini bagi membincangkan masalah kegawatan ekonomi yang melanda rantau ini.

Naib Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata persidangan itu dijangka disertai pemimpin pemuda dari 15 negara dan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Hal Ehwat Antarabangsa Pemuda Umno, beliau berkata mesyuarat itu juga memutuskan bahawa anggota majlis berkenaan akan mengunjungi beberapa kedutaan asing di negara ini termasuk Indonesia, Jepun, negara-negara Eropah dan negara-negara Islam bagi menjelaskan beberapa perkara yang disalahtafsirkan oleh media barat.

Hishammuddin, yang jugapengerusi majlis itu, berkata beliau akan mengetuai rombongan Pemuda Umno untuk menemui wakil beberapa pemimpin negara Asean termasuk peringkat pemuda bagi mengetahui usaha mereka mengatasi kegawatan ekonomi.

Beliau telahpun menemui Menteri Luar Thailand dan Brunei minggu lepas manakala perjumpaan dengan Menteri Luar Singapura dijadual minggu depan.

Mengenai peletakan jawatannya sebagai Ketua Penerangan Umno Johor, Hishammuddin berkata ia bertujuan memberi peluang kepada pemimpin lain menyumbangkan idea dan pemikiran bagi memantapkan Umno Johor.

Beliau berkata pelantikan Anggota Parlimen Johor Bahru Mohamed Khaled Nordin bagi mengisi jawatan itu adalah tepat.

Hishammuddin berharap tidak perlu ada salah tafsiran mengenai tindakannya itu.

"Saya meletakkan jawatan Ketua Penerangan Umno Johor selepas berbincang dengan Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor," katanya.

-- BERNAMA

RZS MAI